

D.R. 23/2008

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen Pihak–Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan)(No. 2) 2008.

(2) Perenggan 2(a), seksyen 3, perenggan 4(a) dan 5(a), seksyen 8 dan subseksyen 9(1), (2) dan (3) mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2009.

(3) Perenggan 2(b), seksyen 7 dan subseksyen 9(4) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

(4) Pindaan dalam perenggan 4(b) dan 5(b) dan seksyen 6, setakat yang berhubungan dengan—

(a) penyusutan amauan pencen terbitan kepada tujuh puluh peratus selepas tempoh dua belas tahun setengah, mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2009; dan

- (b) kehendak pemastautinan di Malaysia, hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

- (a) dalam takrif “pekerja berpencen”, dengan memasukkan sebelum perkataan “seksyen 7” perkataan “subseksyen 6A(6c) atau”; dan
- (b) dengan memotong takrif “bermastautin di Malaysia”.

Pindaan seksyen 6A

3. Seksyen 6A Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

“(6A) Walau apa pun subseksyen (3), seseorang pekerja yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebelum 1 Januari 2009 dan telah disahkan dalam jawatannya sebelum tarikh itu hendaklah diberikan opsyen untuk memilih pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah Akta ini.

(6B) Opsyen yang dibuat di bawah subseksyen (6A) menjadi muktamad pada 1 Februari 2009 dan peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi pekerja itu mulai tarikh itu.

(6C) Jika seseorang pekerja telah memilih pencen, ganjaran atau faedah lain menurut subseksyen (6A) dan mati sebelum opsyen itu menjadi muktamad menurut subseksyen (6B), pekerja itu disifatkan menjadi pekerja berpencen dan peruntukan Akta ini hendaklah terpakai baginya mulai tarikh kematiannya.”.

Pindaan seksyen 12

4. Seksyen 12 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Jika seseorang pekerja” dengan perkataan “Tertakluk kepada seksyen 17, jika seseorang pekerja”; dan

(b) dengan memotong subseksyen (5).

Pindaan seksyen 15

5. Seksyen 15 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Jika seseorang pekerja berpencen” dengan perkataan “Tertakluk kepada seksyen 17, jika seseorang pekerja berpencen”; dan
- (b) dengan memotong subseksyen (2).

Pindaan seksyen 16

6. Subseksyen 16(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perenggan (a);
- (b) dalam perenggan (b)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “pekerja berpencen mati” perkataan “dalam atau”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “tujuh puluh peratus dari pencen pekerja itu” dengan perkataan “amaun pencen yang dibayar kepadanya”; dan
- (c) dalam proviso—
 - (i) dalam perenggan (iv), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan noktah; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “dan adalah bermastautin di Malaysia.”.

Pemotongan seksyen 16A

7. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 16A.

Pindaan seksyen 24

8. Seksyen 24 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “setengah” dengan perkataan “tiga per lima”.

Peruntukan kecualian dan peralihan

9. (1) Mana-mana pekerja yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebelum 1 Januari 2009 tetapi pengesahan jawatannya telah dikuatkuasakan ke belakang sebelum 1 Januari 2009, pekerja itu hendaklah diberikan opsyen untuk memilih penceن, ganjaran atau faedah lain sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 6A(6A) Akta ibu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), opsyen pekerja itu hendaklah disifatkan menjadi muktamad satu bulan dari tarikh dia memilih opsyen itu dan peruntukan Akta ibu hendaklah terpakai bagi pekerja itu mulai tarikh itu.

(3) Pemberian penceن atau penceن terbitan berkenaan dengan mana-mana pekerja yang bersara sebelum 1 Januari 2009 atau mati sebelum 31 Disember 2008 hendaklah berdasarkan Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak pernah dipinda oleh Akta ini, dan pemberian penceن atau penceن terbitan itu hendaklah berdasarkan pindaan yang dibuat kepada Akta ibu oleh Akta ini hanya mulai 1 Januari 2009 dan hendaklah kena dibayar mulai tarikh itu.

(4) Dalam hal penghapusan kehendak pemastautinan di Malaysia, pemberian penceن terbitan sebelum 1 Januari 2008 hendaklah berdasarkan Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak pernah dipinda oleh Akta ini dan pemberian penceن terbitan itu hendaklah berdasarkan pindaan yang dibuat kepada Akta ibu oleh Akta ini hanya mulai 1 Januari 2008 dan hendaklah kena dibayar mulai tarikh itu.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuaosa Berkanun dan Tempatan 1980 (“Akta 239”) untuk membolehkan pekerja yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja memilih penceن, ganjaran atau faedah lain, untuk mengadakan peruntukan bagi penghapusan kehendak pemastautinan di Malaysia bagi pemberian penceن terbitan, peningkatan perkhidmatan yang boleh dimasuk kira daripada dua puluh lima tahun kepada tiga puluh tahun, dan penghapusan penyusutan penceن terbitan kepada tujuh puluh peratus selepas tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraan pekerja atau tarikh sebaik selepas tarikh kematian pekerja dalam perkhidmatan, semuanya bagi penambahbaikan faedah penceن bagi pekerja pihak-pihak berkuaosa berkanun dan tempatan.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda takrif “pekerja berpencen” untuk merangkumi pekerja di bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang telah memilih pencen, ganjaran atau faedah lain di bawah subseksyen 6A(6A) tetapi mati sebelum opsyen itu menjadi muktamad. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memotong takrif “bermastaутin di Malaysia”.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 6A Akta 239 untuk membolehkan pekerja yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja diberikan opsyen untuk memilih pencen, ganjaran atau faedah lain di bawah Akta 239. Pekerja yang dibenarkan untuk berbuat demikian ialah mereka yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebelum 1 Januari 2009 dan telah disahkan dalam jawatan mereka sebelum tarikh itu. Opsyen mereka menjadi muktamad pada 1 Februari 2009.
5. *Fasal 4, 5 dan 6* masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 12, 15 dan 16 Akta 239 bagi penghapusan kehendak pemastautinan di Malaysia bagi pemberian pencen terbitan, dan penghapusan penyusutan pencen terbitan kepada tujuh puluh peratus selepas tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraan pekerja atau tarikh sebaik selepas tarikh kematian pekerja dalam perkhidmatan.
6. *Fasal 7* bertujuan untuk memotong seksyen 16A Akta 239 sebagai pindaan berbangkit daripada penghapusan kehendak pemastautinan di Malaysia.
7. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 24 Akta 239 untuk membolehkan pencen maksimum yang boleh diberikan kepada pekerja ditambah daripada setengah gaji yang akhir diterimanya kepada tiga per lima daripada gaji yang akhir diterimanya.
8. *Fasal 9* memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan. *Subfasal (1)* bertujuan untuk membolehkan seseorang pekerja, yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebelum 1 Januari 2009 tetapi pengesahan jawatannya telah dikuatkuasakan ke belakang sebelum 1 Januari 2009, dibenarkan untuk memilih pencen, ganjaran atau faedah lain. *Subfasal (2)* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa opsyen ini menjadi muktamad satu bulan dari tarikh dia memilih opsyen itu. *Subfasal (3)* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pemberian pencen atau pencen terbitan hendaklah berdasarkan pindaan yang dibuat kepada Akta ibu hanya mulai 1 Januari 2009. Berhubung dengan penghapusan kehendak pemastautinan di Malaysia, pemberian pencen terbitan dan pembayarannya dijelaskan dalam *subfasal (4)*.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amanannya belum dapat ditentukan sekarang ini.